

aab

Mahathir - Ekonomi
MALAYSIA BOLEH KEJAR NEGARA BARAT, KATA MAHATHIR

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia boleh bersaing dengan negara maju malah boleh mengejar mereka, berdasarkan kepada prestasi pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, ini boleh dicapai kerana negara maju kini kelihatan bergerak lambat dan ini semata-mata kerana pekerja di negara maju mahukan gaji yang banyak tetapi bekerja sedikit.

"Cara negara maju itu tidak boleh diterima kerana jika kita mahukan gaji banyak kita harus banyak bekerja. Kita mahu pastikan walaupun gaji tidak tinggi, tapi kita masih boleh membeli barangan dengan gaji yang kecil itu," katanya ketika berucap merasmikan Muzium Samudera berharga RM3 juta di sini petang ini.

Katanya, untuk mencapai hasrat itu kerajaan menjalankan kempen mencegah inflasi dan jika ini berjaya, negara ini boleh menjadi sebuah negara pengeluar yang berdaya maju.

"Kita harus berusaha kerana kita tidak mahu lagi ketinggalan seperti sebelum ini," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, anggota Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan. -- Lagi.

▼13/06/19-21MST

BA759

R GB 13-06 00126

aab

Mahathir - Ekonomi 2 Melaka

Menurutnya, pertumbuhan ekonomi negara tahun lepas ialah 8 peratus dan tahun ini diharapkan antara 8 peratus dan 9 peratus berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara maju pada kadar antara dua dan tiga peratus dan kadang-kadang hanya pada kadar 1 peratus.

Beliau juga menasihati rakyat supaya mengingati kembali sejarah dan menjadikannya satu pengajaran untuk bergerak maju pada masa akan datang.

"Muzium bukanlah tempat untuk berhibur sahaja tetapi ia untuk dijadikan tempat pengajaran dan memperingati asal usul kita sebagai pelaut dan pelayar yang terbaik di dunia suatu ketika dulu.

"Mengenang kembali sejarah bukan mahu kembali ke zaman silam tetapi ingin maju lagi dalam bidang industri berteknologi tinggi seperti industri penerbangan," katanya. -- Lagi.

▼13/06/19-22MST

BA760

R GB 13-06 00108

aab

Mahathir - Ekonomi 3 (Akhir) Melaka

Menurutnya, penjajahan asing terhadap negara ini secara langsung membuka dunia luar kepada rakyatnya dan ini dianggap satu pengajaran kepada mereka.

Dr Mahathir berkata Kerajaan Pusat menyambut baik usaha kerajaan Melaka untuk melaksanakan 101 muzium kerana ini boleh menjadikan Melaka terkenal sebagai sebuah negeri pemuziuman.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata kerajaan pusat telah bersetuju untuk menubuhkan Yayasan Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Kemegahan Nasional di peringkat pusat.

Katanya, kerajaan negeri akan memohon peruntukan yang lebih daripada Yayasan itu sebagai usaha melaksanakan projek membabitkan sejarah di negeri ini. -- Bernama

ARA AFY NMO